

## Tiada ghost smoke dikesan di Jerantut

**JERANTUT** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesahkan tiada jualan gula-gula 'rokok' ghost smoke dikesan di sini.

Ketua KPDNHEP Cawangan Jerantut, Mohd Faizul Salleh berkata, ia hasil pemeriksaan dijalankan di sekitar daerah itu sejak Isnin lalu.

Katanya, peniaga yang didapati menjual produk itu akan dikenakan tindakan dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 (individu) dan RM250,000 (pertubuhan).

